

Laporan Anugerah Inovasi 2013

**SISTEM MAKLUMAT
PERKAHWINAN ISLAM
(eMunakahat)**

Modul Khidmat Kaunseling

1.0 PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Perubahan dan kemajuan pesat dalam persekitaran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sepanjang abad ini telah mengunjurkan kesan yang signifikan terhadap pembangunan sistem pengurusan organisasi di peringkat domestik dan global. Justeru, kemampuan untuk meraih manfaat yang timbul daripada kemajuan teknologi ICT banyak bergantung kepada keupayaan dan kapasiti sesebuah organisasi untuk membuat penyesuaian dengan lancar dan menerima perubahan yang berlaku. Pelaksanaan dasar E-Government, arus pembangunan dan evolusi kemajuan yang pesat telah menuntut satu keperluan transformasi dalam sistem pengurusan data perkahwinan. Dalam usaha melangkah ke hadapan, satu sistem pengurusan perkahwinan Islam yang bersepadu, efisien dan selamat perlu diguna pakai untuk menjamin kejayaan dalam persekitaran globalisasi dan seterusnya melestarikan pembangunan keluarga Islam pada masa hadapan.

1.2 E-Munakahat

Pada tahun 1996, Kerajaan Malaysia telah menggubal dasar *Electronic Government (EG)* sebagai satu daripada usaha pembaharuan dan reformasi dalam pentadbiran dan pengurusan kerajaan. Bersempena dengan dasar ini, kerajaan telah melancarkan Koridor Raya Multimedia (*Multimedia Super Corridor-MSK*) sebagai satu komponen penting ke arah mencapai Wawasan 2020. Dalam usaha melaksanakan dasar Kerajaan Elektronik, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) melalui sistem pengurusan perkahwinan Islam yang dikenali sebagai E-Munakahat sebagai satu inovasi yang membolehkan fungsi Bahagian Undang-Undang Keluarga Islam dapat dilaksanakan dengan lebih efisien. Pelaksanaan sistem ini telah meletakkan JHEAIPP sebaris dengan lain-lain Jabatan Agama Islam Negeri di Malaysia yang menggunakan sistem pengurusan perkahwinan Islam. Sistem E-Munakahat mula dibangunkan pada

September 2009 bagi menyelesaikan beberapa masalah, terutamanya berkaitan dengan rekod Nikah, Cerai dan Rujukan (NCR) dan mula digunakan pada 1 Mac 2010.

Terdapat lima (5) modul utama iaitu Kebenaran Berkahwin, Pendaftaran Perkahwinan, Pendaftaran Cerai, Pendaftaran Rujuk dan Pengeluaran Kad Nikah di mana kesemua modul-modul yang dibangunkan adalah mengikut keperluan yang diguna pakai dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.

Bagi melengkapkan lagi Sistem eMunakahat, fasa II telah dibangunkan pada tahun 2012 dengan modul Khidmat Nasihat. Objektif pembangunan modul ini adalah untuk melancarkan lagi proses kerja seharian serta meningkatkan keberkesanan dan kualiti perkhidmatan khidmat nasihat yang diberikan kepada pelanggan.

2.0 LAPORAN INOVASI

2.1 Tujuan

Tujuan pelaksanaan modul khidmat nasihat ini adalah untuk memudahkan proses carian dan kemasukan data serta memudahkan penjana laporan bagi tujuan analisa.

2.2 Proses Pelaksanaan

Modul ini dibangunkan secara *out-source* pada tahun 2012 dengan menggunakan bajet sebanyak RM9,500. Modul ini mengambil masa 3 bulan untuk dibangunkan.

2.3 Perbandingan Mengenai Impak / Sistem Yang Digunakan (Sebelum dan Selepas)

Sebelum	Selepas
1. Segala maklumat direkodkan secara manual di dalam fail.	1. Tiada lagi kerja secara manual dan semua maklumat akan direkodkan ke dalam sistem.
2. Laporan dan statistik disediakan dalam tempoh yang lama. Ketepatan adalah diragui.	2. Laporan dan statistik dapat disediakan dalam tempoh yang singkat, tersusun dan tepat. Analisa lebih mudah dilakukan.

2.4 Elemen Kreativiti

Idea, konsep, susunan dan rekabentuk antaramuka (*interface*) Sistem e-Munakahat Pulau Pinang dirangka oleh pegawai JHEAIPP sendiri. Ia bukan merupakan adaptasi dari mana-mana sistem yang telah wujud sebelum ini. Modul Khidmat Nasihat merupakan modul yang dibangunkan bagi digunakan oleh Unit Kaunseling, BUUKI, JHEAIPP.

2.5 Elemen Keberkesanan

Melalui penggunaan modul Khidmat Nasihat ini segala rekod akan didaftarkan di dalam sistem dan tiada lagi pendaftaran secara manual. Produktiviti kerja akan meningkat dan carian data akan menjadi lebih cepat serta tepat.

2.6 Elemen Signifikan

Perkhidmatan yang dibekalkan akan menjadi lebih mesra pelanggan kerana ia dapat menjimatkan masa, kos dan tenaga seperti berikut :-

- i) Masa - dapat dijitamkan dari segi carian data yang akan menjadi lebih cepat dan tepat.
- ii) Kos - dapat menjimatkan penggunaan kertas dan dakwat printer. Ini akan dapat mengurangkan perbelanjaan peralatan pejabat.
- iii) Tenaga manusia - setiap pegawai akan memasukkan data aduan yang diterima sendiri. Tiada lagi bebanan kepada kerani untuk memasukkan data.


2.7 Elemen Relevan

Dapat memudahkan penjanaan laporan bagi tujuan analisa data.


2.8 Pengiktirafan diterima

Modul Khidmat Nasihat baru dibangunkan dan masih belum mendapat pengiktirafan dari mana-mana pihak.

2.9 Gambar-gambar berkaitan



The screenshot shows the login page of the 'e-munakahat' system. The browser title is 'Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam - Windows Internet Explorer provided by Azlina'. The address bar shows 'http://ejajpp.penang.gov.my/login'. The page features a header with the system name and a 'LOGIN' button. Below the header, there is a login form with fields for 'Nama Pengguna' (username) and 'Katalaluan' (password). The username field contains 'azlina' and the password field contains '*****'. There are also links for 'ReInitialize' and 'Login'. A message below the form reads: 'Selamat datang ke Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam. Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam merupakan sistem maklumat di Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga. Ianya hanya untuk kegunaan kakitangan Jabatan Agama Islam dan Pejabat Agama Islam Daerah sahaja. Sila masukkan Nama Pengguna dan Kata Laluan untuk akses ke sistem ini. Sebarang permasalahan, sila hubungi Pentadbir Sistem di alamat berikut: mail@jaipp.gov.my'. At the bottom, there is a system requirements section: 'Menyemak Keperluan Sistem... Msie 7.0 atas platform Windows XP. Paparan terbaik menggunakan Firefox 3 ke atas. JavaScript adalah aktif. Font Arabic Typesetting tidak dijumpai. Sila muat turun di sini.' The footer contains 'E-Munakahat © Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam. Jabatan Agama Islam Pulau Pinang. Hakcipta adalah terpelihara'.



The screenshot shows the 'Takwim Temujanji Perunding' (Meeting Schedule) page in the e-munakahat system. The browser title is 'Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam'. The address bar shows 'ejajpp.penang.gov.my/index#'. The page features a header with the system name and a navigation menu. Below the header, there is a 'Khidmat Nasihat' section with a 'Temujanji' tab selected. The 'Temujanji' section contains a 'MENU NAVIGASI' and a 'Takwim' section. The 'Takwim' section has a search form with 'Tahun' (Year) set to '2013', 'Bulan' (Month) set to 'JANUARI', and 'Perunding' (Consultant) set to 'SEMUA'. Below the search form is a table with columns for 'Ahad', 'Isnin', 'Selasa', 'Rabu', 'Khamis', 'Jumaat', and 'Sabtu'. The table contains a list of meeting appointments for January 2013, including names like HAMIZAH BINTI ISMAIL, HAMIZAH BINTI ISMAIL, HAMIZAH BINTI ISMAIL, HALIMAH BINTI YUSOFF, KHAIRUNNISAA BINTI HAJI SABRAN, MANFUZAH BINTI SA' AIDIN, SITI SUHAILA BINTI ARSAD, TAPIUDIN BIN HAMZAH, SITI SUHAILA BINTI ARSAD, ZABIDAH BINTI BASHIR, CHE MOHD ASRI BIN CHE, SITI SUHAILA BINTI ARSAD, KHAIRUNNISAA BINTI HAJI SABRAN, NUR LIYANA BINTI CHE MANGSOR, ZABIDAH BINTI BASHIR, and HAFIZA BINTI HALID. The footer contains 'Hakcipta Terpelihara © 2009. E-Munakahat. User: Manual. 13 Pengguna (13). azlina // 0717. 12:28 PM 14/01/2013'.

2.10 Implikasi Kewangan

Modul ini dibangunkan dengan bajet sebanyak RM9,500.00

Kajian Kepuasan Pengguna Mengenai Sistem e-Munakahat

Ciri – ciri	Jumlah Peratusan
Mesra pengguna	100%
Keberkesanan Sistem Aplikasi	100%

3.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pembangunan modul khidmat nasihat di dalam Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam atau E-MUNAKAHAT oleh (JHEAIPP) dilihat sebagai pelengkap kepada sistem tersebut yang mana ia adalah selaras dengan hasrat kerajaan sendiri iaitu untuk melihat jabatan-jabatannya bergerak selari dengan perkembangan arus dunia khususnya dalam penggunaan teknologi terkini. Ia juga turut menjadi contoh kepada Jabatan Agama Islam Negeri lain untuk turut serta dalam perkembangan teknologi semasa.

Disediakan oleh :

Nama Pegawai : Azlina binti Mohd Dzuki

Tel : 04-2637200

Emel : azlina@penang.gov.my